



# Sensitiviti Agama dan Keharmonian Masyarakat Beragama Menelusuri Cabaran, Melestari Harapan

**Khadijah Mohd Khambali @ Hambali**

Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya

**M**asyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat pelbagai agama, etnik dan budaya yang hidup secara harmoni dengan mengekalkan keunikan masing-masing. Ruang lingkup kehidupan bersama dengan keragaman etnik, warna kulit, anutan keyakinan, budaya, pemikiran dan fahaman boleh menjadi cabaran utama untuk mewujudkan keharmonian hidup bersama (*peaceful coexistence*). Perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai agama dan etnik banyak bergantung pada pemikiran, pendirian dan sikap penganut terhadap isu yang melibatkan hubungan antara agama.

Sejak akhir-akhir ini, terdapat beberapa kes yang melibatkan hubungan antara masyarakat terjejas dan berkait rapat dengan isu sensitiviti agama. Luahan penghinaan terhadap penganut agama yang berbeza amat mudah dilantunkan dalam media sosial. Penghinaan itu berlaku sama ada dalam bentuk sindiran, kenyataan atau tindakan. Pemaparan isu sensitiviti agama oleh segelintir media sebenarnya membimbangkan pelbagai pihak terutama masyarakat dan kerajaan. Hal ini disebabkan persepsi masyarakat dibentuk melalui pengaruh media. Antaranya termasuklah video lakonan rakan penganut agama lain mempersendakan ibadat masyarakat Muslim, anjuran seminar pendidikan yang terang-terangan mengatakan agama lain ancaman kepada pegangan masyarakat Muslim, isu pemindahan “rumah ibadat” sehingga mencetuskan tragedi berdarah, dan isu sambutan perayaan keagamaan di beberapa wilayah pusat pendidikan.

Tambahan lagi, momokan segelintir pihak tertentu dengan propaganda, seperti Islamofobia, dan ekstrim turut mempengaruhi dan menggugut hubungan baik antara pelbagai etnik dan agama di Malaysia. Kenyataan ini menggambarkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia bukan sahaja hadir dalam bentuk serangan fizikal semata-mata, malah turut melibatkan serangan pemikiran.

### **Hubungan antara penganut beragama**

Hubungan antara penganut beragama di Malaysia didasarkan kepada integrasi sosial yang memperlihatkan sikap bertoleransi. Toleransi agama ialah sikap atau kesediaan untuk membenarkan dan menerima agama lain untuk diamalkan dalam mana-mana komuniti tanpa sebarang unsur prejudis untuk mencapai keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Walaupun begitu, toleransi agama bukanlah membawa maksud melihat agama lain benar, tetapi untuk memberikan hak kepada penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing.

Toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia adalah bersandarkan Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang mana “tiap-tiap orang adalah berhak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya” tertakluk kepada Fasal (4), 16 “mengembangkan agamanya”. Daripada peruntukan ini, jelas bahawa umat Islam dan penganut agama

lain bebas untuk mengikut dan mengamalkan ajaran agama mereka masing-masing. Hal ini tertakluk kepada syarat bahawa tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran mana-mana ajaran agama terhadap umat Islam. Islam sekadar mengiktiraf kewujudan agama lain di dunia ini sebagai suatu *sunnatullah*, dan bukan mengakui kebenaran doktrin dan falsafah ajaran lain.

Islam merupakan agama yang dominan di Malaysia dan telah mewarnai kehidupan masyarakat Melayu selepas agama Hindu bertapak di Tanah Melayu. Oleh itu, masyarakat Malaysia dan agama Islam dilihat sebagai sinonim dan kebanyakan persoalan berkenaan dengan adat istiadat, politik dan pemerintahan masyarakat Melayu telah dipengaruhi oleh Islam. Jika diperhalusi, nilai yang terkandung dalam Islam bersifat universal dan dapat diterima oleh semua peringkat, serta dapat beroperasi dalam konteks kepelbagaian bangsa dan agama di Malaysia.

Sayangnya, banyak perkara yang membabitkan hak dan keistimewaan orang Melayu yang menjadi asas perlembagaan dipertikaikan oleh golongan muda dalam kalangan etnik lain. Perkara ini berlaku disebabkan oleh sistem pendidikan yang diterima di sekolah pelbagai aliran di Malaysia yang membenarkan pengasingan etnik pada usia yang cukup muda.

Sehubungan dengan itu, masyarakat Muslim perlu berusaha untuk memahami realiti kehidupan beragama masyarakat bukan Muslim di Malaysia. Keadaan ini selaras dengan ajaran Islam yang sentiasa peka dan cakna dengan kewujudan masyarakat pelbagai agama dan etnik. Selain itu, Islam sentiasa mendidik penganutnya agar memahami kepelbagaian bagi mengelakkan sikap salah faham masyarakat bukan Islam terhadap penganut Islam. Apatah lagi, Islam menonjolkan bahawa setiap insan itu wajar disantuni atas nama kemanusiaan sekalipun berbeza latar belakang anutan dan etnik. Setiap kita “bersaudara” kerana berasal daripada susur jalur Nabi Adam a.s. dan Hawa, dan bertebaran di seluruh dunia.

Pertebaran umat manusia ini membentuk pelbagai etnik, bahasa, agama anutan, sosiobudaya, pemikiran, dan sebagainya yang berkaitan dengan kelangsungan hidup manusia dan sekali gus merupakan ciri utama yang membezakan karakter

dan perlakuan tindakan individu dengan individu yang lain sekalipun asasnya berasal daripada pasangan Adam dan Hawa

Masyarakat bukan Muslim juga sewajarnya mengamalkan sikap proaktif dan terbuka untuk memahami sosiobudaya dan agama masyarakat Muslim dan yang lain dalam usaha mendekati dan memahami antara satu komuniti dengan komuniti yang berbeza. Sikap sensitif dan peka terhadap kewujudan kepelbagaian ini menjamin keharmonian antara penganut beragama.

### **Cabaran keharmonian dalam kepelbagaian**

Setiap masyarakat Malaysia wajar sentiasa bersikap sensitif dan cakna terhadap sesuatu isu yang tercetus. Bersikap sensitif merupakan tindakan yang beradab bagi menjamin kerukunan dan keharmonian hidup beragama. Apatah lagi terdapat berbagai-bagai perbezaan antara komposisi penduduk pelbagai etnik dan agama anutan di setiap negeri di Malaysia. Hal ini turut mempengaruhi interaksi dalam kalangan masyarakat beraneka etnik yang disifatkan lebih beraneka ragam, dengan isu-isu agama dan etnik yang lebih kompleks serta agak rumit untuk difahami. Keadaan ini memerlukan platform yang kukuh untuk memastikan interaksi dan komunikasi antara etnik berjalan dengan baik dan saling menghormati.

Dalam usaha menjaga keharmonian hubungan antara masyarakat beragama di Malaysia, setiap warga perlu sentiasa menjaga sensitiviti keagamaan dalam sebarang bentuk kegiatan sama ada dalam bentuk kata-kata ataupun tindakan.

Menelusuri beberapa kes yang telah berlaku, ternyata hal ini memberikan iktibar betapa pentingnya setiap warga memupuk etika hubungan masyarakat Malaysia dengan menjaga sensitiviti antara sesama penganut agama. Hal ini dikatakan demikian kerana kesan dan akibat daripada permusuhan agama yang tercetus memberikan impak negatif kepada perpaduan dan keharmonian negara. Tidak wajar kita menggadaikan keharmonian dan perpaduan hidup hanya disebabkan tindakan dan perbuatan yang tidak sensitif dan sikap yang tidak peduli segelintir komuniti terhadap pihak lain.

Setiap individu perlu memahami kepelbagaian yang wujud dalam kalangan kita. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Ma'idah* ayat 48 yang bermaksud, "Bahawa sekiranya Allah kehendaki, nescaya

diciptakan manusia ini satu umat sahaja." Dengan erti kata lain, Allah berkuasa menjadikan manusia hanya sebagai satu umat; dengan hanya satu bahasa, ciri yang sama, serta fizikal dan corak pemikiran yang sama. Bahkan boleh bermaksud hanya satu gender sahaja dalam keadaan satu zaman, satu generasi dan satu waktu."

Sebaliknya, Allah SWT menguji hamba-Nya melalui kurniaan pelbagai jenis untuk melihat keikhlasan manusia terhadap hikmah dan ilmu-Nya. Tegasnya Allah SWT ingin menguji kepelbagaian keupayaan, keinginan dan kebijaksanaan manusia berlumba-lumba berbuat kebaikan, dan bukannya kerosakan atau permusuhan. Kepelbagaian ciptaan Allah ini menjadi pemangkin kepada manusia untuk meningkatkan kualiti diri agar dapat melaksanakan kebaikan dalam kalangan masyarakat, dan seterusnya membina peradaban dan memakmurkan alam sejajar dengan amanah manusia sebagai khalifah Allah.


### **Melestari harapan**

Mewujudkan suasana hubungan harmoni dalam masyarakat berbilang etnik dan agama di Malaysia bukanlah perkara mudah untuk dicapai. Situasi ini memerlukan wadah yang ampuh untuk memastikan hubungan antara etnik berjalan dengan baik dan saling menghormati. Oleh itu, sumbangan nilai agama amat diperlukan untuk melestarikan jalinan keharmonian dalam hubungan umat beragama, khususnya di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat pelbagai etnik dan kepercayaan.

Menyedari perihal tersebut, sumbangan nilai pragmatis mekanisme *fiqh al-ta'ayusy*, iaitu fiqh kewujudan bersama dalam kepelbagaian, yang juga dirujuk sebagai *coexistence* dalam konteks Malaysia amat penting sebagai kerangka pemikiran dan tindakan dalam usaha memelihara integrasi bangsa Malaysia. Fiqh kewujudan bersama ini merupakan terma yang telah wujud dalam hubungan sosial masyarakat Muslim, khususnya zaman Rasulullah SAW, para sahabat dan seterusnya zaman kegemilangan Umayyah dan Abassiyah yang hidup dalam keragaman sosial, agama dan etnik.

*Al-ta'ayusy* secara dasarnya bermaksud menjalani kehidupan yang harmoni walaupun berbeza agama dan bangsa. Dari sudut pemahaman yang lebih teliti, *al-ta'ayusy* ialah kehidupan bersama

“Setiap komuniti mempunyai identiti tersendiri yang unik dan ciri-ciri yang berbeza dari segi agama, etnik dan bahasa, serta tinggal bersama dalam satu masyarakat atau negeri, namun “disatukan” dalam satu identiti kewarganegaraan.”



dalam satu komuniti yang disandarkan dengan semangat kasih sayang, tahap toleransi yang tinggi, menerima kepelbagaian, saling memahami, mempercayai dan melengkapi antara satu sama lain. Konsep ini bermaksud setiap komuniti mempunyai identiti tersendiri yang unik dan ciri-ciri yang berbeza dari segi agama, etnik dan bahasa, serta tinggal bersama dalam satu masyarakat atau negeri, namun “disatukan” dalam satu identiti kewarganegaraan.

Selain itu, perkongsian pendidikan daripada pelbagai budaya dapat membangunkan kefahaman tentang budaya etnik lain, sekali gus membentuk sikap terhadap kebudayaan dan kepelbagaian bangsa. Hal ini juga merupakan satu proses pembelajaran akan nilai-nilai dan budaya komuniti lain. Maka itu, pendidikan yang melibatkan pelajar yang pelbagai budaya dan agama ini mampu membentuk sosialisasi ke arah integrasi nasional. Kesan yang akan terbentuk ini memperlihatkan peri pentingnya sekolah satu aliran.

Sebagai contohnya, kita dapat lihat dalam situasi pandemik yang dihadapi oleh hampir seluruh dunia, dan Malaysia tidak terkecuali menerima tempiasnya. Setiap anggota masyarakat saling menyantuni dan menghulurkan bantuan sama ada berbentuk material, kesihatan, sokongan emosi dan

perkongsian maklumat bagi menghadapi situasi yang belum diketahui pengakhirannya.

Perintah kawalan pergerakan turut memberikan impak kepada setiap individu sehingga ada yang kehilangan mata pencarian dan mengakibatkan serangan panik dan kebimbangan (*anxiety*). Masyarakat Malaysia saling menghulurkan bantuan, sokongan antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang etnik dan agama. Hikmah di sebalik ujian ini, terzahir perasaan saling menyantuni sekalipun dilihat seolah-olah semua itu demi kelangsungan hidup. Namun begitu, kita percaya sokongan seumpama ini merupakan petanda bahawa identiti kewarganegaraan yang telah dibentuk melalui *fiqh al-ta'ayusy* telah mewarnai rasa cinta dan rasa kebersamaan menghadapi situasi seumpama ini. Pastinya perasaan ini lahir dengan sendiri tanpa paksaan yang memperlihatkan sikap saling bertanggungjawab dan saling menghormati.

Harapan melangit agar perihal ini mampu membuka ruang kesedaran yang lebih luas kepada seluruh warga Malaysia untuk memahami kepelbagaian dan kesatuan. Dengan itu, hal ini sekali gus menjayakannya secara tulen dan telus melalui pendekatan *fiqh al-ta'ayusy* untuk menangani beraneka isu dan polemik yang timbul dalam hubungan antara umat beragama di Malaysia. DTI